

Tajuk : RM 30b untuk jana 200,000 tenaga mahir

RM30b untuk jana 200,000 tenaga mahir

NORLIZA TINGGAL

KOTA SAMARAHAN, Khamis — Pelaburan sebanyak RM30 bilion telah diperuntuk oleh kerajaan untuk menjana 200,000 tenaga kerja mahir bagi memenuhi keperluan Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE) menjelang 2015.

Menteri Muda Promosi Pendidikan Teknikal, Datu Haji Len Talif Salleh, berkata, ia termasuk kerjasama syarikat dari luar yang akan membangunkan 14 kilang di kawasan SCORE seperti Tanjung Manis dan Bintulu.

Katanya, kerjasama itu melibatkan syarikat luar termasuk dari Jepun, Korea, India dan China.

"Perjanjian persefahaman hari ini adalah kesinambungan yang kita persetujui bersama syarikat dari Jepun, dimana pelajar dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) melanjutkan bidang kemahiran yang terdapat dalam SCORE. Setelah tamat pengajian mereka akan bekerja dengan kilang dari Jepun yang beroperasi di

wilayah SCORE," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MOU) antara UNIMAS dengan Universiti Yamaguchi dan Tokuyama Corporation, Jepun hari ini.

Menurutnya, bagi mengukuhkan kerjasama itu, Tokuyama Corporation yang akan beroperasi di Bintulu akan mengambil pelajar jurusan tenaga teknikal dari UNIMAS untuk bekerja di syarikat mereka. Katanya, menjelang 2015 nanti dijangka lebih banyak syarikat luar yang berminat untuk bekerjasama di wilayah SCORE.

"Sarawak sentiasa menjadi pilihan pelabur asing kerana kestabilan politik serta ekonomi di negeri ini. Disamping itu juga, mereka tertarik dengan sumber tenaga boleh diperbaharui yang kita tawarkan dengan harga yang murah dan berpatutan," katanya.

Manakala Naib Canselor UNIMAS, Profesor Datuk Dr Khairuddin Abdul Hamid, UNIMAS perjanjian persefahaman itu banyak memberi manfaat kepada UNIMAS.

Katanya, ia membantu



Profesor Datuk Dr Khairuddin Abdul Hamid menyerahkan dokumen Perjanjian Persefahaman (MoU) kepada wakil Takuyama Corporation, Profesor Seiichi Shiraga sambil disaksikan oleh Profesor Hiroshi Matsuda, Profesor Dr. Toshinubo Fukuya dan Datu Haji Len Talif Salleh (di UNIMAS semalam).

melahirkan tenaga teknikal yang mahir bagi memenuhi keperluan SCORE.

"Kita amat mengalu-alukan kerjasama seperti ini, kerana ia memberi banyak manfaat bagi menjalankan penyelidikan bersama, perkongsian maklumat, pertukaran pelajar dan kak-

itangan akademik serta kerjasama dalam pelbagai projek," ujarnya.

Turut hadir, Penasihat Takuyama Corporation, Profesor Seiichi Shiraga, Timbalan Presiden Universiti Yamaguchi, Profesor Hiroshi Matsuda dan Pengarah Perhubungan Antarabangsa Universiti Yamaguchi Profesor Dr. Toshinubo Fukuya.